



Universiti Monash antara 50 universiti terbaik dunia

[Muhammad Najmir Razaman](#)



UNIVERSITI Monash baru-baru ini berjaya menempatkan diri di kedudukan ke-44 dalam Kedudukan Universiti Dunia Times Higher Education (THE) 2023.

Sesuai dengan tujuannya untuk memperkasakan pelajar dengan tujuan yang lebih besar, pandangan global dan kemahiran serta keyakinan dalam membuat perubahan positif bagi masa depan, Universiti Monash juga mencapai keputusan terbaiknya dengan menduduki tempat ke-37 Kedudukan Universiti Global Terbaik dunia dalam US News and World Report (USNWR) 2022-23.

Kedudukan ini sekali gus menyokong reputasi Monash sebagai institusi penyelidikan dan pendidikan terkemuka dunia.

Presiden dan Pro Naib Canselor Universiti Monash Malaysia, Professor Matthew Nicholson berkata, pengiktirafan secara konsisten dan keputusan ranking terkini ini mengesahkan kedudukan Monash sebagai antara 50 Universiti terbaik dunia.

"Kedudukan ini adalah bukti kualiti kakitangan kami dalam kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan yang mentakrifkan tujuan kami.

"Universiti Monash Malaysia yang akan menyambut ulang tahun ke-25 pada 2023 amat berbangga menjadi sebahagian daripada rangkaian kecemerlangan global Universiti Monash," katanya.

Kepentingan ranking universiti

Naib Presiden bahagian Pendidikan, Universiti Monash Malaysia, Professor Beverley Webster bersetuju bahawa ranking sesebuah universiti itu adalah penting.

"Pengalaman pelajar, kualiti kakitangan dan graduan, jumlah penyelidikan dan pengantarabangsaan komuniti kampus adalah kriteria yang diperlukan bagi menentukan kedudukan universiti."

Tambahnya lagi, semua orang ingin belajar di universiti yang menjamin kebolehpasaran graduan, menjadi pemimpin masa depan serta mempunyai keupayaan dan peluang untuk membuat perubahan dalam kelompok masyarakat.

Universiti dalam negara bertaraf antarabangsa

Menjadi kampus ketiga terbesar Universiti Monash, pelajar Universiti Monash Malaysia mempelajari kurikulum sama yang ditawarkan di Australia, membolehkan mereka mendapat ijazah kelas pertama antarabangsa dari universiti dalam negara.

Monash berjaya menyepadukan pembelajaran dengan pengalaman dunia sebenar, termasuk latihan amali dan bentuk lain 'pendidikan berasaskan industri' yang membolehkan pelajar membawa kerjaya mereka ke hadapan dan beralih ke peranan kepimpinan serta membuat perubahan dalam komuniti bekerja mereka.

"Universiti Monash Malaysia menyumbang kepada persekitaran pendidikan yang mampan melalui advokasi pembangunan teknologi, ekonomi, sosial dan politik yang cergas.

"Selain bergantung pada model pengajaran dan pembelajaran tradisional, fakulti kami menggalakkan pelajar untuk bekerjasama dengan rakan sebaya mereka dan mengambil bahagian secara aktif dalam pembelajaran mereka melalui pelbagai pendekatan, seperti kerja projek, bengkel reka bentuk penyelesaian dan kerja makmal, memimpin pembentangan dan seminar, pembelajaran berasaskan masalah, pembangunan kemahiran profesional, dan penyelidikan dan inkuiri aktif," kata Webster.

Sepanjang pandemik Covid-19, Universiti Monash Malaysia juga cakna akan cabaran yang dihadapi oleh pelajar mereka.

Oleh itu, Monash membuat pelaburan yang banyak bagi memberikan pendidikan hibrid dalam talian yang unggul serta menawarkan pelbagai geran pengajian dan sokongan kecemasan terhadap pelajar.

Penyelidikan yang berkesan

Universiti Monash Malaysia adalah sebahagian daripada rangkaian pendidikan tinggi antarabangsa yang bertujuan membantu mengubah dunia dengan penyelidikan dan penyelesaian yang berkesan.

Dengan kerjasama antara kerajaan, industri, alumni, penderma dan komuniti, pelan strategik baharu Universiti Monash, Impact 2030, memperlihatkan bagaimana ia akan menyumbang secara aktif dalam menangani cabaran global melalui penyelidikan dan pendidikannya.

"Impact 2030 bakal menunjukkan bagaimana Universiti akan menyumbang secara aktif dalam menangani cabaran global termasuk menyokong tindak balas Universiti terhadap perubahan iklim, memelihara keselamatan geopolitik dan memupuk komuniti yang berkembang maju.

"Yang penting, kami akan berusaha untuk menjadi cemerlang di tahap antarabangsa, berdaya usaha dan inklusif dalam setiap perkara yang kami lakukan," kata Nicholson.

Graduan masa hadapan

Universiti Monash Malaysia berdedikasi dalam menyediakan pelajar bagi tenaga kerja masa depan melatih pelajar mencari penyelesaian dengan kemahiran fleksibel yang akan menyediakan mereka menempuhi cabaran masa depan.

Contoh terbaik dapat dilihat melalui kerjasama Profesor Madya Ramakrishnan Narayanan dengan LabLands di Sepanyol yang berjaya melaksanakan makmal terpencil untuk memastikan pelajaran dapat diteruskan untuk pelajar yang belajar di rumah.

Makmal E-Pembelajaran Anatomi dan Patologi Perubatan yang dipertingkatkan dengan teknologi futuristik di Universiti Monash Malaysia merupakan satu lagi ilustrasi yang baik tentang falsafah ini.

Makmal ini direka bentuk bagi menggalakkan pembelajaran kolaboratif, memandangkan kerjasama pasukan adalah kemahiran penting yang perlu dibangunkan oleh setiap pelajar.

Universiti Monash Malaysia sudah berada di Malaysia selama 24 tahun dan menjadi universiti luar pertama yang menghiasi dunia pendidikan di negara ini.

Universiti Monash Malaysia ialah institusi yang sesuai dalam membantu menangani cabaran pendidikan dan pekerjaan yang dihadapi dunia.

Anda kini boleh mendapatkan pendidikan bertaraf dunia dari dalam negara.

Sertai Hari Permohonan Universiti Monash pada 17 Disember 2022, 11 pagi hingga 4 petang di Universiti Monash Malaysia.

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang [Universiti Monash Malaysia](#) sekarang.

Disiarkan pada: Desember 14, 2022 @ 1:27pm